

Lupus barang tiruan RM176,820

Kuala Lumpur: Ribuan pakaiian, kasut, selipar, minuman keras dan komputer riba cetak rompak bernilai RM176,820 dimusnahkan.

Itu tindakan diambil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur yang melupuskan pelbagai barang tiruan bernilai RM176,820, kelmarin.

Pengarahnya, Ariffin Samsuddin berkata, semua barang yang dilupuskan itu adalah barang rampasan bagi kes perlanggaran kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Hak Cipta 1987.

"Barangan rampasan itu dilupuskan dengan cara dimusnahkan dan tindakan ini sesi pelupusan kesembilan tahun ini selepas mendapat arahan pelupusan pihak mahkamah dan Pengawal Akta," katanya semalam.

Ariffin

berkata, sebanyak 275 kes berjaya mendapat arahan pelupusan membabitkan nilai rampasan RM5.98 juta bagi tempoh sepanjang tahun lalu.

"Bagi 2018 pula, 341 kes berjaya mendapat arahan pelupusan membabitkan nilai rampasan RM7.2 juta.

"Kami memberi amaran keras dan peringatan terhadap mana-mana individu mahupun syarikat supaya tidak melanggar undang-undang," katanya.

Menurut Ariffin, sebarang aduan boleh disalurkan kepada kementerian terabat melalui portal e-aduan@kpdnhep.gov.my, Call Centre 1800 886 800, e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my, aplikasi telefon pintar Ez ADU, Enforcement Command Centre (ECC) 03-88826245/6088, talian 03-80008000 Malaysia Government Call Centre (MYGCC)

(MYGCC)
atau WhatsApp ke 019-279 4317.

Sebanyak 275 kes berjaya mendapat arahan pelupusan



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP Kuala Lumpur melupuskan barang tiruan bernilai RM176,820, kelmarin.